

BRIM
Chedet.cc
2 March 2014
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. I am amused by the remarks of a Minister that the refusal by 17,000 people in Ipoh to accept the BRIM handout is a mark of their maturity.
2. Actually quite a few people said to me that BRIM is bribe especially when given just before elections. It is the same as giving people placards to raise when you pass. It does not really reflect their feelings or sentiments. Those feelings are better expressed through the votes they cast. Their voting is what reflects their maturity. Of course their feelings may be expressed more crudely.
3. Failure to understand public sentiments would be disastrous for politicians. Self-delusion is even worse.
4. BRIM is costly for a Government facing deficits and shouldering huge debts. At RM500/- per person for 7 million people it would cost the Government 3.5 billion Ringgit. Increase that to RM1,200/- the cost would be 8.4 billion Ringgit. That is a lot of money. Yet there is still a lot of very poor people in the country. Do we really need BRIM. Even without BRIM there was good support by the people. If they do not support it must be because they are not happy with something, maybe even with BRIM. Find out what they are not happy with and you will know what you should do.
5. I am a supporter of the Government. I worked hard to help the party in the last election. But I must admit that I disagree with quite a few things the government is doing.
6. I will not say more.

57 Comments

1.  *JamSI*

March 29, 2014 at 2:00 AM | [Permalink](#)

as-salam Tun,
i am one of the BRIM recipient..however i think that BRIM is not helpful enough..it would have been good if government open more job opportunity espclly for university graduates as it is very hard to get a competent job..
what do u think Tun?

2.



Hajar

March 20, 2014 at 9:46 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

Sebentar tadi saya lihat dalam TV1 Dato' Ahmad Maslan memberi kenyataan berikut (lebih kurang):

"Duit BRIM bukan datang (diambil) dari cukai pendapatan, atau cukai2 lain dan juga bukan dari dividen Petronas (??); ia (peruntukan BRIM) adalah 'pendapatan' dari pengurangan subsidi minyak pada tahun lepas..."

Alahai...ceteknya pemikiran beliau. Jumlah pendapatan masih sama....Tolonglah jangan memperbodoh rakyat.

Kenyataan dangkal seperti ini agak memualkan kerana ia memperlihatkan yang Menteri tersebut tidak bijak (tapi ada Masters). Ada lagi seorang Menteri yang juga membuat kenyataan yang hampir serupa semasa mempertahankan pemberian BRIM 3.0 (ini pula dari Oxford).

Saya ingin tanya Menteri2 ini dari manalah agaknya Kerajaan dapat duit (original source) untuk menampung kos untuk segala macam SUBSIDI sedia ada termasuk subsidi minyak/makanan dan etc.? Setahu saya cukai (pelbagai jenis) merupakan pendapatan Kerajaan yang paling utama & duit inilah yang juga yang digunakan untuk membiaya pelbagai projek (yang juga boleh/mungkin menjana pendapatan lain) & lain-lain kos operasi Kerajaan.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. *****

3.



ATMutalib

March 20, 2014 at 4:02 PM | [Permalink](#)

PS to azlan 95 and others :

I am also impressed with Datuk Hishamudin's handling of the press conferences, he is "cool", articulate and clear with his remarks and replies, especially to the media.

As for the DCA DG and MAS MD / CEO, they could do with better public speaking – they and the like should join ToastMasters !

4.



ATMutalib

March 20, 2014 at 3:54 PM | [Permalink](#)

As'salam Tun

Although my Family and I are not entitled to BR1M, we are supportive of it because it benefits the “average” man-on-the-street in terms of direct subsidies.

Singaporeans and other foreigners enjoy the cheap sugar, cooking oil, fuel and other commodities and essentials when these goods are subsidized outright. Affluent Malaysians also benefit when, by right, the subsidies [in this case, RM] should go directly to the farmers, fishermen, labourers and those in the low-income group who need it most.

I am not too particularly keen on paying more for RON 95 but there are alternatives and options available, so long as we are prepared to make sacrifices for the long term and for the next generation inheriting our Motherland.

BR1M also helps in the domestic economy in that more goods and services are bought and sold, unlike the purchase of high value imported cars which is a drain on our forex.

So, let the status quo on BR1M continue.

5.



azlan95

March 12, 2014 at 8:56 PM | [Permalink](#)

I'm very much impressed by Dato Hisham's performance in the MH 370 incident. Very calm and collective leader.

He is a Prime Minister material. Taking Dato Hisham's age into account, Dato Najib ought to pick him as the next PM.

Azlan
KL

6.



abdurrahman

March 12, 2014 at 3:23 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum,

I understand everybody wants to talk about MH370. But please respect this space of discussion regarding "BRIM".

Also I want to say even if there is no space to talk MH370 in Chedet, it does not mean that Tun is not interested in MH370. He should be interested in the matter. We need to understand he also a point that he does not write in the matter immediately after the incident.

7.  *grkumar*

March 12, 2014 at 2:48 PM | [Permalink](#)

Dear Milshah

This is a very trying and emotional time for all people connected in even the remotest way with Malaysia and its proud national flag carrier Malaysian Airlines.

There are many reasons why the plane disappeared. Most likely it crashed. But such eventualities are never discussed in certain terms by the authorities because no one knows for sure.

You are quite correct that there are many reasons and possible causes for this event. There is an article which may interest you in the most recent at this site. It is our blog and if allowed to I commend you to the article on the <http://www.takemon.wordpress.com> article : Hacking Spying and Airline Safety MH370.

8.  *sibotak*

March 12, 2014 at 1:24 AM | [Permalink](#)

Pembangkang terutama DAP sering menggunakan isu Perkauman bagi melemahkan Kerajaan UMNO

Saya perhatikan sekarang Pengusaha Swasta begitu Terang memberi Gaji yg lebih pada kaum Cina lebih dari kaum Melayu walau tugas dan tanggung jawab si Ahmad malah lebih

Tidak kah ini isu perkauman ? Kenapa Pembangkang tidak timbulkan kenyataan ini ? Apakah Tindakan Kerajaan terhadap isu ini ? Apa erti Satu Malaysia ?

9.



waeyda

March 11, 2014 at 12:09 AM | [Permalink](#)

salam.. mohon Tun bagi pendapat berkenaan artikel pada link yang sy sertakan..

<https://www.facebook.com/notes/al-faedah/pesawat-mh370-red-flag-atau-false-flag/482901128498552>

10.



milshah

March 10, 2014 at 11:35 PM | [Permalink](#)

Asslamualaikum Tun,

Forgive me if I wish to talk about another topic in particular the missing MH 370 Malaysian Airlines jet. It is rather very weird for a jumbo jet 777 with all the latest aviation technology with experienced pilots to simply vanish into thin air.

There are many theories as to why the plane suddenly vanish. However all those theories are on the normal assumptions that there was something wrong with the engines, there was hijackers, the plane disintegrate, etc, etc.

But thinking out of the box, it would be more easier to make a plane vanish if it was planned before hand? Who would gain from such an event?

Malaysia is a strong supporter of China, and stumbling block for the US pivot to Asia and the TPP. Could it be possible it is part of a darker scheme to create conflict between China and Malaysia?

I do hope this theory is not true. We would know from days to come.

The question remains : How do you make a plane so big vanish unless it is planned before hand? They did it during the 9/11 so called terrorist attack. Could they not do similar magic tricks again?

I do hope I am wrong about this.

I know emotions are high right now but Malaysia and China really need work together and tread this issue very carefully. The wolves are out there, ready to strike.

Be very careful.

11.  sibotak

March 9, 2014 at 9:51 PM | [Permalink](#)

Saya ada seorang kawan orang Bangali Islam sudah berumur 70 lebih Beliau mengatakan Pemimpin Melayu dan Orang Melayu adalah kaum yg Lemah & Bodoh Banyak usaha Kerajaan untuk memajukan Anak Bumi Sayang kesemuanya Gagal

Kawan saya si Bangali ini mengatakan Satu cara nak bantu anak Bumi adalah KASI MEREKA SUSAH BARU MEREKA AKAN CARI KESENANGAN MEREKA AKAN TERPAKSA CARI JALAN KELUAR SENDIRI

Seperti Pengemis Jalanan Ini hari kita kasi duit ,besok mereka akan menadah tangan lagi Akhirnya jadi Budaya & jadi Keturunan pada Generasi mereka

Begitu juga BRIM Kerajaan sekarang harus tepis hasutan luar negara yg sekarang Menguatkan Parti Pembangkang & Melemahkan Kerajaan ISA PERLU UNTUK MEMBENTERAS INI SEMUA

12.  wajaperak

March 9, 2014 at 6:27 PM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.
Saya mohon ruangan..
Terima kasih saudara Musato..Now you are talking..:)
Saudara..
“Padahal, mereka tidaklah disuruh melainkan supaya beribadah kepada Allah dengan mengikhlaskan agama untuk-Nya dalam menjalankan ajaran yang lurus, mendirikan sholat dan menunaikan zakat. Demikian itulah agama yang lurus.” (QS. al-Bayyinah: 5).
Ikhlas.
Itulah intipati Agama Islam.
Najib ini ikhlas orangnya dan menjadi kewajipan orang seperti saya mempertahankannya.Lemah.Ya.Najib ini lemah.Tetapi itu tidak menarik (taken the credit away from him) keutamaan beliau.
Saya minta maaf kerana tersilap.Ilmu itu 1/70 juzuk dari kenabian bagi orang muslimin dan 1/47 juzuk darjah kenabian bagi orang-orang mukmin.
Dalam mimpi saya, Najib di minta membacakan Surah As Sajadah tetapi beliau tidak berdaya maka saya membacakannya untuk dia.

Seperti yang saya perkatakan dahulu oleh kerana Ilmu Menafsirkan Mimpi secara Haq telah hilang,tidaklah dapat saya memahami maksudnya tetapi setiap bacaan Al Quran di dalam mimpi bukanlah sia-sia.

Saudara Musato.

Selalu saya perhatikan penyelesaian kebenaran tentang sesuatu masalah itu mudah sebenarnya.Tetapi manusia makhluk Allah ini degil dan suka membantah.

Kita lihat contoh kisah ini.

Taliban pernah di sakat dan di usik oleh seorang gadis nakal dengan pertanyaan ini. "Gambir Sarawak itu untuk apa ya?"..Mengesan niat nakal perempuan ini Taliban menyatakan "Ubat sakit gigi". "Eh.Takkan untuk ubat sakit gigi?" Very strong undertone.

"Ha" (Aku telah membuka tembelang mu!).."Kalau dah tahu mengapa tanya?"..

Begitu juga dengan pertanyaan "Apakah cara terbaik untuk menguruskan badan?" Puasa.

Ini jawapan yang bukan diminta dan dicari oleh mereka.

Maka berpusing dan berputar belit penanya soalan enggan menerima jawapan yang hak!

Begitulah saudara.

"Mengapa hadith begini"?

"Mengapa BRIM begitu"?

"Mengapa begini?Mengapa begitu?"

Hentikanlah berpura-pura kerana bila diberi jawapan yang hak,penanya yang ada masalah dala hati merek akan enggan menerima jawapan yang HAQ!..

Putar belit lagi melainkan mereka-mereka yang tulus ikhlas.

Untuk mereka-mereka yang tulus ikhlas,jawapan kesemua persoalan dunia dan akhirat ada di hadapan mata kita semua.

Carilah dengan ikhlas seperti mana pesan orang-orang melayu..

SEEK.AND THEE WILL FIND!

Terima kasih saudara.

Terima kasih Tun.

13.  [sentinel3](#)

March 9, 2014 at 6:21 PM | [Permalink](#)

Tun,

Mohon izin untuk mengulas tulisan zaiful.

Sdra zaiful, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian sdra bahawa tulisan saya ini bukan bertujuan untuk mengkritik tulisan anda.

Sdra mempunyai hak untuk memberi pandangan sdra dan saya hormati pandangan sdra begitu juga sebaliknya hak saya dan penulis-penulis lain di blog ini.

Berikut ialah petikan tulisan sdra, ; – “Saya amat tertarik dengan komen-komen yang diberikan terutama yang melibatkan perkhidmatan kesihatan di negara kita ini terutama di klinik-klinik atau hospital kerajaan. Ramai yang mengeluh, merungut sebab terpaksa menunggu lama sampai berjam-jam.

Pada pengamatan saya melalui pengalaman yang tidak seberapa ini, walaupun kita terpaksa menunggu lama tetapi kemudahan kesihatan kita adalah terbaik.”

Sdra, tiada siapa yang mempertikaikan mengenai kemudahan kesihatan kita adalah ‘terbaik’ (jika sdra maksudkan tempat dan kemudahan perubatan disediakan) seperti yang sdra sebutkan tetapi perkara mauduknya ialah pesakit kita terpaksa menunggu lama dan bukan mengenai kemudahan, facility atau kepakaran doktor-doktor kita.

Bagaimanapun adakah kemudahan-kemudahan itu mencukupi? Itu adalah satu perkara lain yang boleh dipertikaikan.

Kalau negara kita mempunyai kemudahan perubatan yang seperti sdra kata terbaik, alangkah lebih elok jika kemudahan sedia ada dipertingkatkan? (sesuai dengan taraf sebuah negara maju menjelang 2020 nanti? (tanpa masalah kekurangan katil pesakit dan wad?).

Kalau kita tidak mempunyai jumlah doktor yang mencukupi, alangkah elok dipertingkatkan jumlahnya supaya lebih ramai rakyat mendapat kemudahan dan penjagaan kesihatan yang terbaik di negara ini?

Apabila kita membuat perbandingan, lebih elok kita membuat perbandingan dengan sebuah negara maju sesuai dengan taraf negara kita nanti yang akan menjadi sebuah negara maju bukan dengan negara yang bermasalah, (negara kita boleh menjadi negara bermasalah jika apa yang berlaku dalam senario politik negara sekarang ini tidak ditangani dengan serius) negara miskin begitu juga negara kaya dunia ketiga tetapi tidak mengambil berat tentang penjagaan kesihatan rakyat mereka.

Saya pernah ke Iraq, semasa pemerintahan Saddam Hussein, negara ini adalah sebuah negara kaya dengan hasil minyaknya tetapi kemudahan tandas, dari kedutaannya di Jordan hinggalah ke hotel bertaraf antarabangsa di Iraq sungguh meloyakan dan berbau busuk sehingga menghilangkan niat sesiapa yang ingin menggunakan kemudahan tersebut.

Saya terfikir bagaimanakah warga pekerja di kedutaan Iraq mengambil wuduk dan menunaikan solat jika tandas mereka digelumangi air najis disebabkan tandas yang tersumbat?

Sdra, saya harap kemudahan di negara itu kini ada perubahan (mungkin sdra tidak mengalaminya kerana disediakan kemudahan selesa di tempat kerja?) tetapi apakah yang yang saya alami di negara itu menjurus?

Bagi saya, inilah yang saya sebutkan tadi negara kaya pemikiran dunia kelas ketiga yang walaupun kaya tidak memperdulikan hal-hal kebersihan (juga kemudahan kesihatan?) seperti yang terdapat di negara-negara maju seperti Jepun dan di Eropah.

Di Eropah, disebabkan kebersihan tandas mereka, mereka tidak lagi menggunakan istilah tandas seperti kita malah tandas mereka boleh dijadikan tempat tidur terutama untuk orang Arab yang tidak tahu mengenai kebersihan.

Berbalik semula mengenai isu masa menunggu yang lama di hospital, seperti kata sdr waajaperak, bagi orang miskin (termasuk yang kurang upaya) masa itu adalah sungguh berharga kerana mereka terpaksa bekerja untuk menampung nafkah seharian dan akan kehilangan nafkah untuk menyara keluarga.

Masa menunggu yang lama di hospital akan merugikan negara ini kerana selain bagi yang miskin, bagi yang kaya juga setiap saat adalah wang dan boleh merugikan perniagaan dan pekerjaan mereka.

Apabila pesakit merungut mengenai masa menunggu yang lama di hospital, janganlah hendaknya kita menganggap luahan mereka itu sebagai tidak bersyukur atau tidak patriotik terhadap negara mahupun menentang kepimpinan negara.

Sebaliknya, anggaplah luahan mereka itu kerana mahukan yang terbaik untuk rakyat dan negara sama ada dalam penjagaan kesihatan dan lain-lain lebih-lebih lagi jika kita mahu menjadi sebuah negara maju.

Sdra, ada satu surah dalam al-Quran iaitu Surah Al-'Asr juga mengenai masa.

Bismillah

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Demi Masa!

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian -

Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Salam Tun.

14.  musato

March 9, 2014 at 11:43 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya fikir elok juga waajaperak menulis dengan terperinci berkenaan ilmu berkenaan.

Sedangkan pada bahagian diri saya, saya tidak dapat menulis sedemikian kerana tiada pembelajaran rasmi melainkan menulis berdasarkan pengalaman. Dan apabila

memerlukan penjelasan dan pemahaman yang diperlukan, saya membaca buku majlis ilmu Syekh Abdul Qadir Al Jailani.

Buku beliau banyak menceritakan pasal perjalanan maqam/pengalaman diri beliau sendiri bagi yang memahami. Pangkat beliau adalah wali Qutub (ketua wali) yang tersohor pada zamannya. Tetapi beliau tidak banyak menulis melainkan setahu saya hanya 3 buah buku sepanjang hidup beliau. Dan ia lebih kepada pengumpulan tazkirah majlis ilmu beliau.

Saya percaya mimpi adalah 1/70 seperti yang dimaksudkan. Saya pernah melaluinya. Tetapi untuk mengatakan Datuk Najib dan KJ seperti yang diperkatakan saya tak berani. Melainkan saya mengetahui apa yang Datuk Najib jalankan sekarang adalah kesinambungan dari Perdana Menteri yang terdahulu, cuma BRIM adalah salah satu cara beliau.

Saya juga tidak sepenuhnya bersetuju atas apa yang dilakukan oleh kerajaan.

Saya kira saya boleh menulis sesuatu seperti yang dikatakan 'tidak boleh memberitahu kepada orang awam – berkenaan 'arahan dari Allah' . Itu pun sekiranya tidak menimbulkan kontroversi.

Saya menggunakan perkataan saya. Tapi saya bukan menceritakan perihal diri saya melainkan hanya semata mata memberitahu berkenaan Al Quran.

Untuk bekalan pada cucu cicit selepas saya tiada walaupun saya masih muda sementara saksi saya Tun Mahathir masih hidup.

Terima kasih Tun.



15. *zaiful*

March 8, 2014 at 6:49 PM | [Permalink](#)

As salam Tun

Saya mohon ruangan untuk berbicara sedikit.

Saya amat tertarik dengan komen-komen yang diberikan terutamanya yang melibatkan perkhidmatan kesihatan di negara kita ini terutama di klinik-klinik atau hospital kerajaan. Ramai yang mengeluh, merungut sebab terpaksa menunggu lama sampai berjam-jam.

Pada pengamatan saya melalui pengalaman yang tidak seberapa ini, walaupun kita terpaksa menunggu lama tetapi kemudahan kesihatan kita adalah terbaik.

saya bekerja di syarikat carigali di Iraq dan berulang alik setiap bulan ke Malaysia, jika dibandingkan negara kita amat lah beruntungnya rakyat Malaysia kerana fasilitis yang ada jauh lebih baik terutama jika dilihat dari kebajikan kesihatan.

Malah dikampung-kampung pun ada disediakan kemudahan klinik kesihatan desa dengan jarak yang memadai.

Kadang-kadang kita mungkin terlepas pandang jika dibandingkan dengan negara luar yang dilanda krisis ketidakpuashati pemimpin-pemimpin yang sentiasa berlawan antara puak masing-masing.

Mereka nak pergi mendapatkan rawatan pun susah, dengan bekalan ubat yang kekurangan dan macam-macam lagi. Kita Di Malaysia amat beruntung dan bertuah walaupun terpaksa menunggu lama. Malah tempat menunggu pun dalam keadaan selesa lah juga jika dibandingkan negara-negara yang dilanda krisis.

Kadang-kadang kita ini perlu tahu bagaimana kehidupan di luar, di negara-negara yg dilanda krisis berpanjangan.

Malah setiap kali saya transit di Dubai, saya bangga sebab KLIA fasilitis standing dengan negara-negara maju malah ada fasilitis yang lebih bagus di negara kita.

Akhir kata, segala kemajuan-kemajuan yang telah ada di negara kita memang amat membanggakan dan sudah menandingi negara-negara maju di dunia. Ini semua adalah berasaskan 'Vision 2020' yang perlu diteruskan kesinambungannya untuk generasi akan datang.

Apapun saya memohon maaf jika komen saya ini menyinggung hati mana-mana pihak. ini hanya lah berdasarkan pengalaman dah hari-hari yang saya lalui ni negara yang dilanda krisis yang tidak berkesudahan.

Terima kasih dan salam sejahtera buat Tun & semua.



16. [wajaperak](#)

March 8, 2014 at 11:33 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.
Harap sudi memberi ruangan...:)

Saudara sentinel3..

[Oh ya, sdra wajaperak, ada pula orang kalau tidak silap saya mengatakan apabila seseorang itu bermimpi sesuatu sebenarnya ia adalah terbalik daripada apa yang digambarkan, sebagai contoh jika mimpi itu menggembirakan sebenarnya mereka akan mendapat sesuatu yang menyedihkan begitu juga sebaliknya. Wallahualam] Alahai...:)

Pokok persoalan yang ingin saya perkatakan sejak dahulu ialah 'wisdom'.
Kebijaksanaan.

Conventional Wisdom dan Unconventional Wisdom.

Mereka yang belajar secara konvensional belum tentu dapat 'unconventional wisdom' ini.

Contoh ialah Nabi Musa a.s. Sebagai Ulul Azmi dan Kalimmulah pastilah darjat beliau lebih tinggi daripada Nabi Khidir a.s. Tetapi Allah memerintahkan Nabi Musa a.s. belajar dari Nabi Khidir a.s. yang mendapat 'Ladunna Ilma'.

Apa yang Nabi Musa a.s. perkatakan bila Nabi Khidir a.s. memecahkan perahu, membunuh budak dan menegakkan tembok adalah benar. Ini adalah konvensional wisdom. Tetapi hakikat 'hak' disebalik perbuatan Nabi Khidir a.s. itu adalah perintah Allah secara 'unconventional'.

Perbicaraan ini adalah dilarang kepada orang awam. Tetapi marilah kita ambil secara mudah apa yang diajar oleh Rasullulah s.a.w tentang Ketetapan Pertama dan Ketetapan Kedua.

Ketetapan Pertama :

Sifat api itu membakar.

Ketetapan Kedua :

Allah memerintahkan "Wahai api jadilah engkau dingin dan membawa keselamatan kepada Ibrahim." (QS. al-Anbiya': 69)

Ketetapan Pertama :

Sifat pisau itu memotong.

Allah memerintahkan pisau jangan memotong leher Nabi Ismail a.s.

Tapi janganlah kita mengharapkan supaya Allah memerintahkan api supaya tidak membakar kita. Jangan pula mengharapkan supaya pisau tidak memotong kita kerana walaupun ianya boleh berlaku tetapi Rasullulah s.a.w bersabda "Hal ini (Ketetapan Kedua) adalah jarang".

Apabila Taliban menafsir mimpi ramai orang muslimin, dia terkejut apabila mimpi-mimpi saya kesemuanya menjadi nyata. Saya amat berdukacita kerana mimpi ini telah membuka aib ramai muslimin tetapi saya percaya ini peringatan Allah untuk menyelamatkan jiwa saya.

Saudara sentinel3.

Kebenaran itu amat pahit.

Tetapi jika kita mengikut jalan Sunnah dan ditimpa ujian seperti sunnah maka adalah menjadi kewajipan kita untuk menjadi pandu arah kepada muslimin yang menuju jalan ini.

Jalan Sunnah amat pahit. Mereka yang menempuh kenal akan orang yang menempuh jalan yang sama.

Saudara sentinel 3.

Scapel bagi anda dan saya tidaklah banyak gunanya kerana kita tiada kemahiran untuk menggunakannya.

Tetapi bagi Pakar-Pakar Pembedahan saiz dan nombor scapel ini amat penting dan mereka-mereka yang assist pembedahan di dalam OT (Operation Theater) mestilah hand over scalpel yang betul bila diminta oleh Pakar.

Adakah saudara terlupa tentang Arab Badwi yang ditanya oleh Rasullulah s.a.w tentang "Dimanakah Rabbmu berada"?

Jawapan Arab Badwi itu sesuai bagi dia dan tidak bagi kita.

Apakah Ayat Al Quran yang menggambarkan sifat Allah ini?..

Begitulah saudara.. Ilmu Allah itu bersesuaian kepada mereka-mereka yang ahlinya begitu sahaja.

Alangkah baiknya jika Allah sudi mengajar kita kedua-dua kefahaman itu serentak..:)

ALLAH BESTOWED WISDOM CONFINED TO THEIR VERY COMPREHENSION.

Terima kasih Tun.



17. *mubarakchan*

March 8, 2014 at 12:08 AM | [Permalink](#)

Tun

Congratulations on your latest BRIM comment which attracted 40 comments within a few days.

I look upon this BRIM differently within the context of FAIR and EQUITABLE governance in a tumultuous World of Pax America's ' Globalization, Free Trade, Human Rights ' .

To put matters within the whole context of World affairs and our beloved Malaysia's domestic politics, we may now see the whole kaleidoscope of events which began about 5 years ago concerning the up-risings called ' Arab Spring ' which supposedly swept from Tunisia through Libya, Egypt, Yemen and Syria. Dictators of long duration were swept from power by swirling mobs in street demonstrations. That was a few years ago. But now in March 2014, the rulers of Tunisia, Libya, Egypt, Yemen and Ukraine seem to be ruling the populace like the days of old after the deaths and injuries of thousands of the populace. The ruling elites are still in place and rule as before. And for those who cried ' Wolf ' before Syria, they discovered to their horror the ' Wolf ' did not materialise but the real Russian Bear. Now all the Western Powers are talking gibberish and look funny.

Let this be a lesson why to save our beloved Malaysia we must stand together and united to vote the BN as led by the UMNO with its 15 component parties. This I have exhorted my friends here for many years. This is normal thinking based on basics – Malay basics.

Take the case of Ukraine. In November 2013, the West suddenly forced the Ukrainians to make a choice, the West or Russia. This caught the Ukrainians with their pants down. They should have maintained a neutral position like us in our beloved Malaysia – friends with all. In other words, the Ukrainians should LOVE no one but THEMSELVES. This is why when mischievous folks who used to have small offices, stirred up Kuala Lumpur street demonstrations with the hope of CHANGING THE INCUMBENT BN GOVERNMENT, failed to divide us or succeed in creating deaths, injuries amongst our innocent men, women and children for their paymasters and a wider world audience. FROM OUR EXPERIENCE WITH THE KL STREET DEMONSTRATIONS AND THE MISTAKE OF THE UKRAINIANS WHO BECAME EMOTIONAL AND DID NOT USE THEIR HEADS AND BECAME FALL-GUYS NOW UNWANTED BY THE WEST AND RUSSIA, IT IS BEST THAT WE TRUST NO OUTSIDER AND LOVE ONLY OURSELVES. Hence, logically, we stand united in support of all our proven icons, the Royal Sultans, the BN leaders and the BN Governments and our compatriots and

our WAY OF LIFE so that outside forces or money or influence CANNOT DIVIDE US AND DESTROY ALL OUR HARD WORK NOT ONLY BACK TO 1957 BUT CENTURIES AS WELL – riots, chaos, deaths, injuries and destruction etc.

The strongest defence is for ALL OF US TO BE NORMAL in whatever we do, the Government or ourselves is seen by all to be FAIR and EQUITABLE – like reducing the price of rice, flour and soya bean for 2014. These life-saving essentials cannot be considered as luxuries.

I also mentioned that as long as the BN Government implements FAIR AND EQUITABLE POLICIES TRANSPARENTLY, observes the RULE OF THE LAWS, maintains a normal and functioning BUREAUCRACY, and eschews from MAKING MONEY WITH THE GLCS, there is nothing much the Opposition can do until the next 14th General Elections.

To sum up, a MOMENT OF WEAKNESS WITH A WEAK LEADERSHIP, the huge country of Ukraine is torn apart into oblivion by its own people who LOST THEIR HEADS EMOTIONALLY. They should not have fallen for the POISON CHALICE of November 2013 when they were ‘ OFFERED ‘ by the West out of nowhere, a choice between the West and Russia. This highlighted the ethnic fault lines of Ukraine. Now, no one wants them AFTER MAKING USE OF THEM, THE UKRAINIANS. By the same token, we Malaysians must be VERY CAREFUL OF SLY AND CUNNING AND MISCHIEVOUS TROUBLEMAKERS WHO CLAIM THIS AND THAT. And fortunately, their understanding of the Malays is still faulty who are traditionally courteous and conservative. These are basics. And on these Malay basics our beloved Malaysia must fall upon. No more. No less. If we are aware of the big bad wolf and that Santa Claus from Singapore, all the time, we will be well on our way to a stable, peaceful and harmonious Malaysia. The saga of the brilliant Lee Kuan Yew with his 15 failed Policies for Singapore is an eye-opener for all of us. The latest devious weapon to finish us off is the infamous TPPA, a Singaporean creation of 2006 ! Smart and clever – an ant riding the Donkey !

I again say let the sad and tragic events which had befallen Ukraine be an eye-opener for all of us good Malaysians. DO NOT BE BOUGHT UP BY GREEKS BEARING GIFTS ! The Singaporean Trojan Horse DAP is still with us.

Arab Springs were easy to ignite which brought thousands onto the streets in countries which had suffered for DECADES with undemocratic Governments. In Malaysia, since 1957, our BN Governments under UMNOs leadership have delivered especially the rise of the Malay Middle Income Group which brought up the non-Malay Income Group during Tun Dr Mahathir’s 22 year Administration. This has formed a stable and peaceful ballast like the 350,000 English speaking Indians of India. Generally, the BN Government has delivered on a FAIR AND EQUITABLE BASIS. Part of the Ukrainian problem is rampant corruption which were in the countries affected by the Arab Spring. And it is good to hear that our BN Government is doing its level best to reduce and contain CORRUPTION. This augurs well for our beloved Malaysia’s future.

Little by little and by behaving NORMALLY WE WILL BE THERE !

18.



Hajar

March 7, 2014 at 7:16 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

Mohon izin Tun:

Kepada 'Saudara Sentinel3', terima kasih di atas komen saudara yang bersetuju dengan saya pada March 4, 2014 at 11:42 PM.

Terima kasih juga kepada Saudara 'fbm_', March 5, 2014 at 10:16 PM.

Saya ingin tambah pendapat saya tentang BR1M:

1. PM kita menguar-uarkan yang BR1M adalah kaedah 'Subsidi Bersasar'. Namun demikian, nampaknya ia telah menjadi kaedah 'SUBSIDI TERSASAR'.

2. Saya mengatakan ianya '**Subsidi TERSASAR**' kerana saya dapat tahu dari sumber yang sangat dipercayai (dari seorang pemandu teksi KLIA) yang ramai kawan-kawan beliau (bukan penyokong kerajaan) yang berpendapatan melebihi RM6,000 sebagai pemandu teksi turut menerima BR1M 1.0 dan 2.0., dan mereka ini berasa hebat ('bragging') kerana berjaya memperdaya Kerajaan. Pemandu yang bercerita ini rasanya penyokong Kerajaan & beliau membawa teksi pun bukan setiap hari, tapi pendapatan agak lumayan (dari cerita beliau).

3. LHDN cuma boleh fokus/periksa pendapatan mereka yang ada 'slip gaji'. Mereka yang bekerja sendiri atau menjalankan perniagaan boleh memanipulasi jumlah pendapatan mereka ('menipu') untuk mendapatkan BR1M. Saya percaya cerita pemandu teksi tersebut kerana saya tahu ada pemilik teksi (individu) yang ada teksi lebih dari satu (beliau bercerita kepada saya bila saya tanya mana teksi lagi satu sebab biasanya beliau bawa teksi lain), dan menyewakan teksi tersebut (satu beliau bawa sendiri) kepada orang lain. Cuba bayangkan pendapatan pemandu teksi ini. Biasanya jika saya ke LCCT, saya bayar RM70, dan kalau ke KLIA dalam RM60-65. Minyak teksi (gas) murah saja (juga sudah disubsidi).

4. Kerajaan mesti menyemak objektif 'Jabatan Kebajikan Masyarakat' dan juga apa peranan/fungsi utama 'Pusat Zakat/Baitulmal' jika benar2 mahu membantu orang miskin. Saya agak terkilang jika ada cerita2 yang kurang enak tentang kesukaran untuk mendapat bantuan bagi mereka yang betul2 memerlukan. Saya harap segala zakat pendapatan / tunai / harta/ saham/ etc. yang di bayar oleh pemberi zakat mesti digunakan sebaik-baiknya untuk membantu mereka yang layak menerima zakat – semak pelaksanaan. Setiap kali saya ke Pusat Pungutan Zakat, saya ditanya 'nak mohon ke, nak bayar zakat?' semasa mengambil tiket. 😊...Pelik juga rasanya.

5. LHDN pula, dalam keterujaan mereka mengutip cukai, nampaknya sudah bertindak seperti 'Ahlong meminta hutang'. Surat amaran 'Tanpa Prejudis' dihantar sesuka hati

dengan ayat-ayat yang seolah-olah mengugut (saya terima baru2 ini). Bila saya periksa akaun saya di LHDN ternyata baki 'kredit' saya agak banyak (tiada masalah). Lebih elok LHDN cari mereka yang LIAT membayar cukai daripada menumpukan kepada mereka yang jelas membayar cukai setiap tahun.

6. Saya rasa BR1M berpotensi membuat penyokong BN untuk menolak BN di PRU-14. Ini strategi politik yang juga TERSASAR. Saya akui saya sentiasa menyokong BN di masa lampau (termasuk pada PRU-12 & 13) dan sanggup bertekak dengan penyokong pembangkang demi mempertahankan BN. Tetapi, sekarang saya rasa kurang bersemangat kerana kelemahan Kerajaan membuatkan saya juga menjadi semakin lemah.

7. Kos BR1M 3.0 ialah RM4.5 Billion (peruntukan), sama dengan kos Jambatan Pulau Pinang Kedua. Adakah Kerajaan bayar TUNAI untuk Jambatan tersebut?

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. *****



19. [sentinel3](#)

March 7, 2014 at 6:51 PM | [Permalink](#)

Tun,

Mohon izin untuk bertanyakan soalan kepada Sdra wajaperak.

Sdra wajaperak, bercakap mengenai mimpi, seperti yang saya tulis sebelum ini, tiada siapa mempertikaikan usaha tulus ikhlas Najib mahupun perjuangannya membela rakyat.

Saya yang tidak pandai bab ilmu tafsir mimpi ini ingin bertanya kepada sdra, adakah disebabkan perjuangan Najib diterima oleh Allah SWT, ia satu blessing terhadap semua dasar kerajaan termasuk BR1M?(dan tidak boleh dipersoal atau dipertikaikan?).

Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian sdra, saya bukan menentang sebarang usaha untuk menolong orang miskin di negara ini cuma cara pertolongan itu dibuat melalui pemberian BR1M dipertikaikan.

Ada pepatah Inggeris menyebut, :”give a man a fish and you feed him for a day; teach a man to fish and you feed him for a lifetime”.

Bekas Presiden Indonesia, Allahyarham Abdurrahman Wahid (Gus Dur) juga dilaporkan pernah bermimpi akan menjadi pembesar negara itu sebelum dilantik sebagai presiden bagaimanapun tempohnya menjadi presiden tidak lama.

Saya tidak tahu sama ada dia ada mendapat mimpi selepas itu mengenai nasibnya selepas menjadi presiden?

Mengenai Khairy Jamaluddin juga tiada siapa yang mempertikaikan bahawa dia adalah seorang yang baik dan articulate, maklum sahajalah lulusan Cambridge kerana jika dia tidak pernah berpidato akan memalukan universiti terulung dunia, Cambridge.

Setakat ini saya tidak tahu siapa yang lebih hebat berpidato sama ada Khairy atau pemimpin anugerah Tuhan alias chameleon atau dalam bahasa Melayu sesumpah yang seorang lagi itu yang sedang berkempen termasuk di gereja untuk menjadi MB Selangor.

Cuma pendirian beliau (KJ) berhubung perjuangan membela bangsa Melayu agak disangsikan melalui pertuturan beliau yang dipengaruhi oleh profesionnya sebagai seorang ahli politik yang tidak mahu dilihat sebagai seorang yang ultra atau ekstremis membela bangsa sendiri kerana takut kehilangan undi bukan Melayu dalam pilihan raya.

Saya bukan membodek Tun mahupun anakanda Tun, Datuk Mukhriz, tetapi kedua-dua pemimpin ini mempunyai pendirian yang tidak berubah dan konsisten dalam perjuangan mereka membela bangsa, agama dan negara.

Datuk Mukhriz apabila ditanya mengenai soalan berbentuk rasis oleh wartawan Cina, menjawab lebih kurang begini,- "Kerajaan buat apa sahaja untuk kaum Cina, orang Cina tetap tidak akan mengundi BN dalam pilihan raya nanti,".

Sdra wajaperak, saya tidak ada sebarang permusuhan mahupun perasaan benci terhadap KJ tetapi apabila dibuat perbandingan antara KJ yang akan cuba mengelak daripada terperangkap membuat kenyataan yang membela orang Melayu kerana takut kehilangan undi bukan Melayu dan Mukhriz yang berterus terang dan tidak gagap membela bangsa sendiri tanpa takut kehilangan undi orang bukan Melayu maka sdra tahu siapa antara kedua-dua pemimpin ini yang saya kagumi.

Perkara pokoknya sdra ialah tiada siapa yang membenci Najib mahupun KJ bagaimanapun mungkin kerana Tun sudah lama berkuasa, rakyat terutama orang Melayu terasa seolah-oleh kehilangan atau merindui era kepimpinan tegas (kuku besi?) Tun yang selama ini membuat orang ramai berasa selamat, mempunyai harga diri, berkeyakinan terhadap diri sendiri dan masa depan mereka dan keluarga di negara ini.

Zaman Pak Lah adalah satu letdown bukan sahaja kepada bangsa Melayu malah bukan Melayu di negara ini dan rakyat berharap era kepemimpinan seperti Tun akan berulang tetapi nampaknya mengecewakan mereka apabila yang dinanti tidak berlaku.

Malah rakyat kadangkala jadi keliru apabila membandingkan zaman Pak Lah dan Najib, adalah era Najib sambungan daripada era Pak Lah atau Najib lebih teruk (lembik) daripada Pak Lah?

Mengenai mimpi Najib menaiki kereta perisai dan diberi tepukan gemuruh oleh anggota tentera, saya harap mimpi itu mempunyai maksud yang lebih luas iaitu Najib

akan menjadi perisai kepada rakyat negara ini khususnya orang Melayu yang miskin dan menjadi menjadi penyelamat terhadap pelbagai masalah sosial, politik dan sebagainya yang kini memeningkan rakyat jelata.

Mungkin penerima BR1M tidak pening ketika ini tetapi mereka akan pening semula selepas ini apabila bantuan BR1M sudah habis.

Harapan saya cuma satu iaitu jangan mimpi itu bermaksud kereta perisai itu hanya untuk Najib dan keluarga sahaja dan terlalu sempit untuk rakyat dan sokongan bergemuruh hanya bunyi kosong sahaja sudahlah.

